

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 8 JULAI 2019 [ ISNIN ]**

**SOALAN NO. 89**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat ini berapakah pendapatan Kerajaan daripada import plastik dan berapakah kerugian akibat pencemaran dan kilang haram.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak memperoleh sebarang hasil pendapatan secara khusus daripada pemberian lesen import (*approved permit* - AP) skrap plastik kepada syarikat-syarikat yang berhasrat untuk mengimport sisa plastik di bawah HS Code 39.15 ke Malaysia kerana AP yang dikeluarkan adalah percuma. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga tidak mengenakan sebarang fi atau *bank guarantee* kepada syarikat-syarikat tersebut.

2. Walau bagaimanapun, melalui pewartaan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Sisa Pepejal Import) (Plastik) 2019 dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan

Perkhidmatan Pengimportan Bagi Sisa Pepejal Import) 2019 kelak, pengimport akan dikenakan fi lesen bagi setiap AP yang diluluskan dan fi verifikasi bagi setiap tan skrap plastik yang diimport. Pengenaan fi ini bertujuan untuk memastikan aktiviti pengimportan dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Kementerian dengan mengambil kira kos-kos yang perlu ditanggung oleh pihak Kementerian dari sudut pentadbiran, pemantauan serta kos pembersihan jika berlaku pembuangan sisa haram hasil daripada aktiviti pemprosesan sisa plastik tersebut. Selain itu, Kerajaan turut memperoleh pendapatan melalui pelaburan yang dibuat oleh pemegang AP bagi membawa masuk skrap plastik, pembayaran duti import dan eksport serta fi-fi yang berkaitan bagi operasi kilang memproses sisa plastik.

3. KPKT juga bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan ke atas operasi bagi premis yang memproses sisa plastik import yang dimiliki oleh pemegang AP. Walau bagaimanapun, aspek kawalan dan pemantauan daripada operasi kilang haram sehingga mengakibatkan pencemaran alam sekitar adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (JAS, MESTECC).

Sekian, terima kasih.